

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO'DR. NORAINI AHMAD
[PARIT SULONG]**

TARIKH : 24.10.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 2

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejauh manakah Kerajaan melihat Kempen Dahulukan Produk Muslim (#BMF) ini dapat memberi kesan buruk kepada pertumbuhan ekonomi negara.

BERSEKALI SOALAN NO : 38

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 7.10.2019 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap Kempen *Buy Muslim First* (BMF) yang sedang berlangsung sekarang oleh para pembeli Islam yang secara tidak langsung memboikot produk keluaran bukan Islam yang menjejaskan ekonomi keseluruhannya.

BERSEKALI SOALAN NO : 10

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI
[TUMPAT]**

TARIKH : 6.11.2019 (RABU)

SOALAN

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan impak ekonomi kepada negara apabila umat Islam memboikot produk-produk yang dikeluarkan oleh pengusaha makanan yang khianat dengan mengotorkan makanan dengan najis seperti membiarkan anjing berkeliaran serta menjilat ke atas makanan dan sebagainya.

BERSEKALI SOALAN NO : 15

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 6.11.2019 (RABU)

SOALAN

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan:

- (a) apakah kesan Kempen *Buy Muslim-Made First* kepada ekonomi *Non-Muslim*; dan
- (b) apakah usaha bagi memastikan sijil halal dapat dimiliki oleh premis-premis makanan.

BERSEKALI SOALAN NO : 38

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
[SEKIJANG]**

TARIKH : 14.11.2019 (KHAMIS)

SOALAN

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah Kementerian melihat fenomena kempen “Beli Barangan Muslim Dahulu” akan memberi kesan langsung kepada pasaran perniagaan dan pengguna.

BERSEKALI SOALAN NO : 10

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO’HJ. CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI
[TUMPAT]**

TARIKH : 18.11.2019 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan impak Kempen Beli Barangan Muslim terhadap harga barangan pasaran ketika ini.

BERSEKALI SOALAN NO : 5

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO'ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

TARIKH : 21.11.2019 (KHAMIS)

SOALAN

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi isu dakwaan 'boikot' produk bukan Bumiputera.

BERSEKALI SOALAN NO : 21

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN
NIK ABDUL AZIZ [BACHOK]**

TARIKH : 3.12.2019 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan impak Kempen Membeli Produk Muslim yang semakin mendapat sambutan di negara ini terhadap pasaran serta pendirian Kerajaan terhadap kempen berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Terlebih dahulu izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Parit Sulong **bersekali dengan Yang Berhormat Bukit Bintang pada 7 Oktober 2019, Yang Berhormat Kuala Krai dan Yang Berhormat Tumpat pada 6 November 2019, Yang Berhormat Sekijang pada 14 November 2019, Yang Berhormat Tumpat pada 18 November 2019, Yang Berhormat Hulu Terengganu pada 21 November 2019 dan Yang Berhormat Bachok pada 3 Disember 2019** kerana kesemuanya adalah berkaitan ***Buy Muslim Product First***.

Fungsi Kementerian adalah untuk mewujudkan satu ekosistem perniagaan yang kondusif kepada komuniti ekonomi dan juga pengguna. Fungsi-fungsi tersebut termasuklah menggalakkan amalan persaingan dalam perniagaan, mengawal kenaikan harga barang dan memastikan kualiti (termasuk isu kebersihan dan halal) sesuatu produk dan perkhidmatan kepada pengguna.

Hak pengguna untuk membuat pilihan telah dinyatakan di bawah Dasar Pengguna Negara di mana pengguna berhak untuk mendapatkan barangan atau perkhidmatan yang terbaik daripada mana-mana pengusaha. Persaingan sihat dalam sesuatu industri adalah kunci kepada pengguna untuk menikmati perkhidmatan atau produk yang berkualiti pada harga yang kompetatif. Pada masa yang sama elemen Halal turut menjadi keutamaan.

Bergerak di atas landasan ini, Kementerian ini melaksanakan inisiatif Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) yang mana rakyat berbilang kaum di Negara ini ikut terlibat. Samada produk Melayu, Cina, India, Iban dan sebagainya perlulah disokong asalkan produk tersebut memenuhi prinsip-prinsip yang kita telah gariskan, Di bawah inisiatif KBBM, Kementerian melibatkan semua pihak yang menawarkan kepakaran dan kekuatan masing-masing baik dari segi platform perniagaan, pengeluaran, pemasaran dan aspek-aspek lain yang boleh membantu menjayakan kempen ini. Kementerian percaya penglibatan

NO. SOALAN 2

semua pihak merentasi setiap lapisan rakyat yang memainkan peranan masing-masing akan membawa manfaat dan faedah kepada semua.

Ini dizahirkan dengan kerjasama seperti penyenaiaan produk PKS Malaysia secara tetap di pasar raya besar, pasar raya, kedai serbaneka dan di kedai i-Keep (Inisiatif Kedai Ekonomi Rakyat) melalui sewaan ruang dan rak jualan. Kementerian juga telah menjalin kerjasama bersama syarikat penerbangan Air Asia, platform e-Dagang seperti Lazada Malaysia dan Shopee. KBBM akan terus dilaksanakan dengan melibatkan semua pihak yang relevan yang dapat menyumbang kepada menjayakan dan mempromosikan produk buatan Malaysia.

Sekian, terima kasih.